

<p style="text-align: justify;">04 Julai 2022
SHAH ALAM - Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) memaklumkan pihaknya menerima lebih 70 aduan daripada pengguna berhubung kenaikan premium insurans kenderaan.</p><p style="text-align: justify;">Pengurus Kanan Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC), Baskaran Sithamparam berkata, minimum kenaikan adalah sebanyak 10 peratus dan ia berbeza bagi setiap syarikat insurans.</p> <p style="text-align: justify;">◆Memang kami ada terima aduan di mana peningkatan berlaku selepas penamatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) awal Januari tahun ini.</p> <p style="text-align: justify;">◆Kita tidak periksa berapa peratus kenaikan setiap syarikat (insurans) di luar sana, kami hanya merujuk kepada aduan yang diberikan kepada kami,◆ katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.</p> <p>Artikel Penuh : https://www.sinarharian.com.my/article/209823/BERITA/Nasional/FOMCA-terima-aduan-kenaikan-premium-insurans?utm_source=telegram&utm_medium=link&utm_campaign=FOMCA+terima+aduan+kenaikan+premium+insurans</p> <p>◆</p>